

Sejarah dan Perkembangan

TARIAN **TARINAI PERLIS**

Oleh:

REJAB F.I

Disusun oleh:

MOHAMED MAT HASSAN


*Pejabat Kebudayaan dan Kesenian
Negeri Perlis*



Penerbitan

Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis

(KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA)



Penerbitan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis
(KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN & PELANCONGAN MALAYSIA)

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data pengkatalogan - dalam penerbitan

REJAB F.I

Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis / Mohamed Mat Hassan
ISBN 983-41583-0-0

KATA ALU-ALUAN

SAYA amat berterima kasih kepada Encik Rejab Ismail (*Rejab F.I.*) kerana berusaha menghasilkan penulisan tentang sebuah tarian yang begitu terkenal pada masa kini kerana keindahan dan keasliannya iaitu Tarian Tarinai di negeri Perlis.

Buku ini berdasarkan sebuah latihan ilmiah iaitu hasil penyelidikan beliau yang begitu mendalam tentang Tarian Tarinai ketika mula diperkembangkan semula di negeri Perlis dalam tahun 1980. Sebagai anak jati negeri Perlis yang sungguh-sungguh berminat tentang kesenian tradisional, sudah tentulah usaha ini memberi banyak manfaat kepada masyarakat kita khususnya yang berminat dalam lapangan kesenian.

Kesenian merupakan akar peribadi sesuatu bangsa. Bangsa yang memelihara dan menyebarkan keseniannya maka lebih kukuhlah peribadi masyarakat, bangsa dan negaranya.

Dengan terlaksananya penyelidikan ini adalah diharapkan ianya dapat memberi manfaat kepada pendukung seni tari tradisional untuk mendalami kesenian ini seterusnya berkembang mengikut arus masa.

Tidak lupa dengan ini juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang telah menyediakan ruang dan kemudahan dalam usaha menerbitkan buku ini. Buku ini akan menjadi rujukan utama kepada para pengkaji dan penggiat tarian sama ada di negeri Perlis dan negara umumnya.

RAMLI SALEH

Pengarah,

Pejabat Kebudayaan dan Kesenian

Negeri Perlis

22 Disember 2003

PENGANTAR

TARIAN 'TARINAI' merupakan tarian yang khusus dipersembahkan dalam majlis-majlis perkahwinan. Tarian ini diganding bersama dengan muziknya iaitu 'Gendang Tarinai' (berasal dengan nama 'Gendang Keling') berasal dari negeri Perlis.

Tarian ini memang mempunyai corak tertentu dalam perkembangan seni tari di Perlis dan berganding dengan tarian-tarian lain seperti Canggung, Cinta Sayang, Mak Inang, Ayam Didik yang turut sama berfungsi dalam masyarakat. Sesuatu yang memberangsangkan penulis membuat kajian tarian ini kerana 'Tarinai' begitu masyhur suatu ketika dahulu sehingga menjadi tarian istana. Seni tarinya begitu indah dan bernilai tinggi.

Penulis mengharapkan buku ini akan menjadi rujukan kepada para penggiat seni tari di negeri Perlis khususnya dan negara umumnya, semoga tarian ini dapat diperkembangkan menyuburi budaya tanah air kita. Kalau tidak pun sekurang-kurangnya tradisi ini dapat dihayati dan dikenali oleh penggiat seni, generasi muda, umumnya seluruh masyarakat yang menyedari bahawa **'Kebudayaan itu nilai bangsa'**.

15 Disember 2003

REJAB F.I.

Penulis